

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**

TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 20

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci jumlah pendapatan hasil dalam pendaftaran nombor Kenderaan semenjak sistem “E-Bid” JPJ mula dilaksanakan dan sama ada sistem tersebut berjaya meningkatkan hasil kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan JPJeBid telah bermula dari 15 April 2019 dan sehingga 21 Februari 2022, JPJ telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM446,816,194 melalui 322 siri bidaan yang telah selesai.
2. Sistem JPJeBid ini telah mendapat sambutan yang tinggi daripada orang awam dengan jumlah pengguna seramai 675,453 orang dan ukuran prestasi kutipan hasil persiri telah melonjak daripada RM1.15 juta pada tahun 2019 ke RM2.04 juta pada Februari 2022.
3. Melalui data-data ini terbukti keberkesanan pelaksanaan sistem JPJeBid dalam meningkatkan kualiti kecekapan perkhidmatan penawaran nombor pendaftaran kenderaan kepada orang awam secara amnya dan meningkatkan hasil Kerajaan secara khususnya di samping menekankan aspek integriti melalui digitalisasi.

Sekian, terima kasih.